

THE TITAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

25 DISEMBER 2022 | BIL: 39
www.richworks.com

Industry View

BATIK MALAYSIA
WARISAN
SEPAJANG
ZAMAN

DESA MURNI BATIK

CABARAN
TRANSFORMASI
BISNES
TRADISIONAL
SEPARUH ABAD





SEJUTA PERTAMA PADA USIA 22 TAHUN

Usia bukanlah pengukur yang menentukan kejayaan seseorang. Lebih membanggakan, berstatus jutawan muda.

Ahmad Akram Anwar, meraih jualan RM1 juta pertama pada usia 22 tahun, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

Jumlah itu tidak dicapai dengan mudah, sebaliknya hasil kerja keras dan semangat mahu berubah.

Namun, tanpa ilmu mana mungkin jualan itu dapat dikekalkan malah terus alami peningkatan.

PENGUMUMAN PERDANA MENTERI

Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) antara lokasi tumpuan orang ramai membeli persiapan menjelang Aidilfitri.

Baju Melayu, kurung, kebaya, songkok, samping dan kain tudung semua pun ada.

Di situ juga anak muda yang mesra dengan panggilan Akram menjalankan perniagaan yang diwarisi daripada keluarganya, Desa Murni Batik.

Pada 2020, beliau telah menempah beberapa booth untuk menjual baju Melayu sempena hari raya.

"Sebelum mula jualan secara online, kami dah setting booth di beberapa tempat untuk jual baju Melayu di Kuantan, Kuala Lumpur, Kelantan dan Terengganu.

"Selepas Perdana Menteri umum PKP, tak boleh buka bazar dan peraturan lain saya tak fikir banyak terus kata, aku nak buat online terus," ujarnya.



RESTU MAMA

Setelah melakukan transformasi perniagaan secara online, ada rakan yang menasihatkan Akram agar menyertai kelas bimbingan Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman.

Beliau mengambil langkah mencari maklumat lanjut mengenai Dr. Azizan.

Setelah memperoleh maklumat yang dikehendaki, Akram menyatakan hasrat kepada ibunya untuk menyertai kelas anjuran RichWorks.

"Saya search dan maklumkan kepada mama, mama kata ok dan try. Saya hubungi RichWorks dan terus mohon sebagai ahli Titanium pada November 2020," katanya.

Mewarisi perniagaan keluarga bukan tiket untuk anak muda ini mengabaikan pelajaran dan berhenti menimba ilmu.

"Mula-mula saya tak tertarik sangat dengan bisnes. Tak masuk campur sangat dalam bisnes ayah saya.

"Sebab saya rasa saya perlu habis belajar dulu. Dah habis belajar baru nak terlibat dengan bisnes," ujarnya lagi.

TRANSFORMASI BISNES

Seperti perniagaan lain, ayahnya juga menjalankan perniagaan secara tradisional. Buka kedai dan tunggu pelanggan masuk.

Tegas Akram, bukan mudah untuk melakukan transformasi pada model perniagaan yang telah dijalankan secara tradisional selama 49 tahun kepada online.

Menurutnya, pelbagai percanggahan idea timbul dalam usaha membawa perniagaan ke digitalisasi.

"Nak bina dari offline ke online itu, saya rasa susah juga sebab mindset offline lain, mindset online lain.

"Ada yang setuju, ada yang tidak kerana perniagaan online memerlukan kita cari

**BILA MASUK
TITAN, SAYA UBAH
BAGAIMANA KITA
KENA DENGAR
PEKERJA,
BAGAIMANA
BINA HUBUNGAN
DENGAN
PEKERJA.”**



pelanggan, bukan hanya buka kedai dan tunggu orang masuk.

“Kita perlu dekati pelanggan sama ada melalui iklan ataupun bahan posting yang betul, baru pelanggan datang,” jelasnya.

BANYAK KURANG, BANYAK LUBANG

Daripada kelas yang dihadiri, Akram mendapati banyak kekurangan dalam perniagaan yang dijalankan selama ini perlu diperbaiki.

“Bila saya masuk, saya nampak amat banyak ‘lubang-lubang’ dalam bisnes dan lagi jelas hala tuju mana kita nak pergi lepas ini. Apa nak buat dengan team.

“Apa cacat-cacat, lubang yang ada kami nak improve,” ujarnya.

Tambah Akram, attitude dan pemikiran juga banyak berubah. Malah perubahan tersebut turut disedari ibunya.





"Even mama saya juga tegur, your attitude dah berubah sekarang. Attitude dah jadi lebih baik," ujarnya.

SKEPTIKAL

Selain itu, Akram turut mengemari ilmu kepimpinan yang dikongsikan Dr. Azizan.

"Dulu saya bekerja dengan kawan semua. Kita rasa kita betul, rasa idea kita paling bagus. Kita rasa tak ada orang boleh naik lagi atas daripada kita."

"Bila masuk Titan, saya ubah bagaimana kita kena dengar pekerja, bagaimana bina hubungan dengan pekerja," kongsinya.

Menurut anak muda ini, sebelum menyertai RichWorks, beliau juga skeptikal dengan Dr. Azizan.

"Bila dah masuk baru tahu, dia punya power, ilmu yang banyak lagi saya dan team belum belajar," katanya teruja.



PENCAPAIAN

Sebelum ini pertumbuhan jualan syarikat tersekut selepas mencapai paras RM1 juta setahun namun setelah mengikuti program mentoring Titanium, Desa Murni Batik berjaya meraih jualan RM11.4 juta pada 2021.

Seterusnya, beliau menyasarkan jualan RM20 juta pada 2022.

Syarikat yang bermula dengan 3 orang pekerja, kini memiliki 75 orang.

Hasil yang diperoleh termasuk keuntungan dalam perniagaan turut dikongsi bersama kakitangan Desa Murni Batik.

"Sebelum ini, mereka tak banyak pilihan dan tak ada simpanan berbanding sekarang dah ada simpanan."

"Dapat juga berkongsi bersama team, bawa pergi menunaikan umrah dan ke Turki," ujarnya.

Bagi yang berminat, maklumat lanjut dan produk boleh didapati di laman sesawang desamurnibatik.my.

3

NASIHAT AHMAD AKRAM ANWAR



PERTAMA, mesti memiliki ilmu.

"Nombor satu adalah ilmu. Tanpa ilmu tak boleh buat apa-apa. Saya rasa pada diri saya, bagaimana ilmu itu berkesan pada diri saya.

Bila ada ilmu, attitude pun berubah. Ambil ilmu, yang orang kongsi, tak kisah daripada perkongsian bangsa usahawan lain," katanya.

KEDUA, mempunyai mentor yang memberi bimbingan.

"Ramai orang muda rasa bisnes mengenai logik. Tidak, bisnes bukan mengenai logik. Bisnes mesti ada bimbingan yang boleh bagi tahu mana betul dan salah.

"Bila saya nak buat sesuatu, Dr. Azizan kata tak sesuai. Itu sangat membantu untuk kita buat keputusan dengan baik," jelasnya.

KETIGA, ubah attitude diri jadi lebih baik.

"Dulu saya sendiri nak bangun pagi pun susah. Tidur lewat. Once you change the attitude semua akan senang.

"Walau kita nak maintain itu susah. Saya faham banyak gangguan luar seperti kawan-kawan dan media sosial. Saya harap tak jadi kepada anak muda lain, sebab perkara itu saya dah lalui," nasihat Akram kepada bangsa usahawan terutamanya anak muda. ●

BATIK

MALAYSIA



WARISAN
SEPANJANG
ZAMAN

Karya seni reka batik merupakan kraftangan Melayu yang dihasilkan menerusi pelbagai teknik dan bentuk kreativiti penghasilannya.

Ciri-ciri keindahan atau estetik dalam seni reka batik lazimnya akan dikaitkan dengan konsep keindahan dan fungsi batik itu sendiri.

Seni reka batik wujud dalam pelbagai bentuk seperti pakaian, hiasan dalaman, karya, perhiasan dan sebagainya.

Karya seni reka batik mempunyai tafsiran yang luas dan bukan sahaja dilihat menerusi elemen formal, bahkan turut memancarkan perspektif adat dan budaya tradisi masyarakat.

Perkembangan awal batik di Malaysia dipercayai bermula di Kelantan dan Terengganu.

Bagaimanapun, penghasilan rekaan batik kontemporari dicetuskan bagi mengekalkan tradisi dan reputasi batik supaya terus berada di persada yang lebih baik.

Penekanan kepada elemen formal dalam reka corak menjadikan batik sebagai produk kraf yang kreatif dan berkualiti tinggi.

Kelestarian nilai-nilai estetik menjadi pemangkin kepada pembangunan industri kraf itu sendiri khususnya batik.

Majlis Kraf Dunia-Asia Pasifik mengiktiraf batik Malaysia sebagai salah satu kraf tempatan yang terkenal di peringkat global.

ISTILAH DAN TEKNIK

Mulai 1930-an hingga perang dunia kedua,

industri batik di Tanah Melayu berkembang dengan pesat.

Pengusaha batik di negeri Kelantan dan Terengganu merupakan perintis kepada perkembangan batik di negara ini.

Istilah ‘batik’ berasal dari Indonesia dan istilah ini juga diinspirasikan daripada perkataan Jawa, iaitu “tik” yang bermaksud menitik atau menulis titik-titik.

Menurut Jurnal Pengajaran Melayu bertajuk ciri-ciri keindahan dalam penghasilan rekaan batik kontemporari berinspirasikan motif abstrak, perkataan batik secara jelasnya berasal dari Indonesia.

Istilah “batik” merupakan gabungan daripada perkataan Melayu titik dan perkataan Jawa amba yang bermaksud menulis.


Elemen titik-titik yang dimaksudkan merupakan lakaran motif yang berupa bunga-bunga dan lakaran motif yang kecil di atas permukaan kain putih.

Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu bergantung pada zaman dan ruang seperti teknik ikat celup dan pelangi.

Asas kepada kesemua teknik ini adalah sama. Dari aspek proses penghasilan, setiap teknik menggunakan bahan-bahan yang tertentu untuk menghasilkan kesan yang berbeza-beza.

PRODUK WARISAN

Batik adalah satu teknik untuk menghiasi kain dengan rekaan corak yang menggunakan lilin sebagai penahan untuk menghalang warna menembusi bahagian lain atas kain yang telah dicorakkan.



PENGIFTIRAFAN BATIK OLEH PERTUBUHAN PENDIDIKAN, SAINS DAN KEBUDAYAAN PBB (UNITED NATIONS EDUCATIONAL, SCIENTIFIC AND CULTURAL ORGANISATION) SEBAGAI 'WARISAN KEBUDAYAAN KEMANUSIAAN TIDAK KETARA' DIPERCAYAI MAMPU MENJADI AKTIVITI SOKONGAN KEPADA PELANCONGAN BUDAYA YANG AKAN MENJADI DAYA TARIKAN KEPADA PELANCONG DARI SELURUH DUNIA UNTUK MELAWAT MALAYSIA.

Pada hakikatnya, batik boleh bertindak sebagai kain, kraf dan seni Malaysia pelbagai fungsi.

Oleh demikian, batik diiktiraf sebagai produk warisan negara yang bernilai tinggi.

Sebagai produk warisan, batik mampu menyokong aktiviti pelancongan kebudayaan dan industri fesyen negara.

Selain itu, pengiktirafan batik oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation) sebagai 'warisan kebudayaan kemanusiaan tidak ketara' dipercayai mampu menjadi aktiviti sokongan kepada pelancongan budaya yang akan menjadi daya tarikan kepada pelancong dari seluruh dunia untuk melawat Malaysia.

Industry View

Situasi ini menunjukkan batik mempunyai permintaan dalam pasaran tempatan dan luar negara.

Namun, prestasi sebahagian besar pengusaha batik masih lagi didominasi oleh perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Malah, sebilangan dari perusahaan batik adalah bersifat mikro.

Namun, hari ini ada juga pengusaha yang membawa pembaharuan terhadap batik dengan menggunakan mesin yang canggih.

PEMAKAIAN BATIK

Pemakaian batik Malaysia di kalangan lelaki kebiasaananya untuk majlis makan malam, majlis rasmi atau ada juga yang memakainya ketika hadir majlis perkahwinan.

Manakala untuk wanita, batik Malaysia sering dijadikan pakaian rasmi dengan menggabungkan batik dan fesyen moden.

Pasangan suami isteri, ada juga yang memilih untuk tampil sedondon sambil menggayakan batik pada majlis yang dihadiri.

Anak-anak kecil juga ada yang kelihatan comel dalam pakaian bercorak batik.

HARI BATIK MALAYSIA

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengisytiharkan tarikh 3 Disember setiap tahun, sebagai Hari Batik Malaysia, bermula pada 2021.

Kerajaan berharap pengisytiharan hari itu dapat



menggalakkan seluruh rakyat, sama ada pihak swasta dan masyarakat berbilang kaum untuk memakai pakaian batik Malaysia.

Kabinet juga menetapkan setiap hari Khamis sebagai hari pemakaian batik Malaysia untuk semua penjawat awam termasuk di Parlimen.

Pengisytiharan hari tersebut juga dapat menjadi pemangkin kepada pemerkasaan industri kraf batik tempatan dan rantai pengeluaran batik negara.

BANTUAN KERAJAAN

Kerajaan Kelantan bekerjasama dengan Kraftangan Malaysia cawangan negeri dalam membantu usahawan batik dari segi bantuan

bekalan bahan mentah, penghasilan rekaan dan pemasaran produk.

Sehingga Mac 2022 terdapat 358 usahawan kraf batik yang berdaftar dengan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan.

Bangsa usahawan perlu bijak merebut peluang, ruang dan kemudahan yang disediakan.

Tak salah jika produk batik anda masih mengelarkan kaedah penghasilan secara tradisional.

Namun, pada masa sama jangan ketinggalan untuk beralih kepada perniagaan secara digital dan melakukan inovasi sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa. 



**Business
Evaluation
Success
Transformation**



BISNES CHECK-UP:

- Duit koyak!
- Bisnes sakit
- Perniagaan sendiri tapi tak ada gaji
- Buat bisnes lagi tak ada masa, lebih baik bekerja!
- Sales macam banyak tapi tak tahu pergi mana
- Staf ramai tapi macam semua kena buat sendiri

<https://richworks.com/best>

PLATFORM **ZOOM**



MILLIONAIRE MARKETING MASTERCLASS

NOV 2022 – FEB 2023

richworks.com/mmm



Kejayaan Bisnes & Wang 2023



Mentor Usahawan
DATUK WIRA
DR. AZIZAN OSMAN

NAK-UBAH HIDUP

4 - 6 FEBRUARI 2023
Setia City Convention Centre (SCCC)

www.NakUbahHidup.com

E-MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN

richworks.com/thetitan

RICHWORKS®
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

THE **TITAN**

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.